

Kelab Bahasa Mandarin UMS adakan Hari Suai Mesra 2018

KOTA KINABALU: Kelab Bahasa Mandarin UMS menganjurkan Hari Suai Mesra 2018 'Peluang dan Nasib' dan disertai oleh mahasiswa Tahun Satu.

Beberapa aktiviti yang dilaksanakan iaitu, pengenalan terhadap Kelab Bahasa Mandarin, ice-breaking, pergaulan antara mahasiswa Tahun Satu dan ahli-ahli Kelab Bahasa Mandarin, serta sesi permainan stesen.

Hari Suai Mesra 2018 dilaksanakan pada hari 17 September di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2.

Program ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan Kelab Bahasa Mandarin kepada mahasiswa baharu.

Selain itu, program ini juga bermatlamat mengeratkan

hubungan dan menggalakkan integrasi antara mahasiswa UMS.

Malahan, membangkitkan kesedaran mahasiswa supaya mengambil berat tentang hal ehwal semasa serta menggalakkan mereka menceburi aktiviti-aktiviti kelab UMS di samping mencungkil bakat yang terpendam serta melatih sifat kepimpinan mahasiswa agar mengamalkan nilai kerja secara berpasukan.

Pada permulaannya, Pengarah Program dan Presiden Kelab Bahasa Mandarin Lee See Yeang memulakan majlis dengan memperkenalkan Kelab Bahasa Mandarin dan ahli-ahli Kelab Bahasa Mandarin kepada hadirin dengan

tayangan video. Seterusnya, sesi ice breaking dijalankan untuk merapatkan hubungan mahasiswa baharu yang langsung tidak mengenali antara satu sama lain.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan menjalankan sesi permainan stesen, mahasiswa akan dapat keseronokan dalam permainan stesen yang kreatif dan terkini.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan pemberian hadiah kepada pemenang sesi permainan stesen.

Akhir sekali, gambar berkumpulan diambil dan majlis berakhir dengan ucapan pengarah program.

Ulasannya, program ini dapat merapatkan hubungan antara mahasiswa yang segan

antara satu sama lain sehingga akhirnya menukar cara hubungan seperti menukar nombor telefon.

Program ini juga berjaya mempromosikan Kelab Bahasa Mandarin yang ingin mencari dan mencungkil bakat mahasiswa baharu ini.

Mahasiswa baharu menyatakan bahawa mereka rasa seronok dalam program ini.

Lee menyatakan bahawa program ini dapat dilaksanakan dengan Berjaya adalah atas kerjasama sepasukan ahli organisasi.

Beliau berharap program ini dapat dilaksanakan pada tahun depan agar konsep program ini dapat terus diwarisi oleh generasi seterusnya dan selama-lamanya.



PESERTA program Hari Suai Mesra 2018 anjuran Kelab Bahasa Mandarin UMS merakam gambar bersama.